

**KERTAS KERJA CADANGAN  
BAKAT MUDA SEZAMAN 2023**

DISEDAIKAN OLEH:  
**HAZIQ BIN HALIM**

JULAI 2023

## 1.0 TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini diangkat adalah untuk mengembagkan satu kaedah mentakrifkan berkaitan konsep ciri karya berasaskan idea hantaran bagi memberikan pemahaman baharu dalam konteks masyarakat dan seni visual. Kajian penyelidikan ini dapat melihat refleksi yang merangkumi perubahan dalam ekspresi seni hantaran dengan mengabungkan analogi kiasan bagi memberi perspektif baharu kepada masyarakat umum di Malaysia.

## 2.0 PENDAHULUAN

Pada zaman yang semakin maju dalam pembangunan sekarang ini, kadang kala menyebabkan sesuatu adat atau kebiasaan ditinggalkan mengikut keperluan dan mengutamakan yang lebih penting pada waktu ketika ini. Hantaran merupakan adat yang telah digunakan semenjak zaman dahulu akan tetapi dalam konteks Islam, penekanan ini tidak langsung dianjurkan untuk melaksanakan hal tersebut. Namun begitu, adakah masih relevan untuk dilakukan sekarang? Melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, barang hantaran bermaksud, barang-barang seperti pakaian, makanan yang berupa hadiah yang dibawa bersama wang hantaran oleh pihak lelaki untuk pengantin perempuan begitu juga sebaliknya wanita turut membalas hantaran. Mengikut kebiasaannya, barang hantaran akan berbalas dengan angka ganjil, dan pihak perempuan membalas lebih daripada pihak lelaki. Contohnya, pihak lelaki memberi barang hantaran sebanyak lima jenis barang yang berbeza, manakala pihak perempuan akan memberi tujuh barang hantaran. Selalunya hantaran dijadikan pengukur tentang status dan *budget* perkahwinan pasangan yang berkahwin, dengan ini industry menghias hantaran telah menjadi semakin berkembang.

Mengikut pada adat resam, menghantar belanja biasanya dijalankan terlebih dahulu dan berasingan dengan upacara akad nikah, tetapi pada zaman sekarang, menghantar belanja selalu dijalankan bersama dengan akad nikah bertujuan untuk menjimatkan masa dan perbelanjaan. Di antara barang-barang yang termasuk dalam kategori wajib bagi melengkapkan sesuatu hantaran dan hantaran tersebut akan turut sama diarak dengan mempelai sebelum bersanding. Antaranya ialah wang mas kahwin

dan belanja melalui penyerahan wang mas kahwin tersebut terus ke tangan isteri selepas selesai atau diletakkan di dalam dulang. Sebentuk cincin permata daripada pelbagai jenis bentuk dan berkualiti dipamerkan dalam hiasan gubahan hantaran, manakala dua pasang kain sebagai simbolik kepada dua pasangan mempelai dilipat di dalam talam. Terdapat juga beberapa jenis kuih juadah atau buah-buahan yang segar digunakan seiringan dengan pemberian hantaran. Selanjutnya, tepak sirih dan perenjis air mawar merupakan pelengkap dalam sesuatu majlis perkahwinan itu dibuat yang mana tanpanya majlis tersebut akan dianggap tidak beradat dan sumbang,

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum untuk membuat kajian ini adalah bagi mengenalpasti cabaran dalam penghasilan seni hantaran berbentuk instalasi disertakan dengan penyelesaiannya.

- 1) Menjadikan hiasan hantaran sebagai olahan visual dalam seni instalasi.
- 2) Mengekplorasi konsep hantaran secara kiasan di dalam konteks seni visual dan penghasilan karya.
- 3) Menjalankan kajian visual terhadap kepelbagaian media hantaran dengan konteks kiasan mahupun parodi berdasarkan budaya, isu dan permasalahan yang dihadapi Masyarakat Melayu mengikut sezaman.

## **3.0 PENELITIAN KARYA**

Kajian yang dijalankan bagi penyelidikan ini ialah berdasarkan penghasilan mekanisma bahan hantaran dengan bertemakan istilah kiasan atau parodi. Kajian mengenai kesesuaian bahan atau media yang digunakan dalam budaya hantaran ini adalah bertujuan untuk melihat potensi dan kelebihan melalui idea hantaran itu sendiri dapat diketengahkan dalam konteks seni. Dari sinilah, idea untuk menghasilkan karya terbentuk dan pengaplikasian antara tranformasi visual budaya hantaran ini dapat dikembangkan.

Dalam penyelidikan ini, saya menfokuskan imej atau bahasa visual hantaran itu sendiri, melalui jenis bahan yang digunakan dalam hantaran, jumlah hantaran yang

dihasilkan mengikut adat budaya masyarakat Melayu dan tema yang bersesuaian dengan bahan yang boleh dikaitkan dengan kontek kiasan dapat diketengahkan.

Selain daripada visual hantaran itu sendiri, pengkarya juga telah mengekalkan estetika hantaran yang kebiasaanya dibuat dengan menggunakan imej yang hampir sama dengan corak gubahan dan ianya lebih signifikasi seperti yang selalu dilakukan oleh kebanyakan masyarakat Melayu dengan hasil pengolahan minimum atau minimalis. Hal ini disebabkan gubahan yang sarat mewujudkan ketidakfokusan terhadap hantaran mengikut jenis bentuk media hantaran yang diberi.

#### **4.0 PERBINCANGAN DAN RASIONAL KARYA**

##### **4.1 ULASAN KARYA**

Pembentukan karya secara sindiran ini merupakan hasil buah pengkarya yang menginterpretasi penglibatan isu yang sering dihadapi oleh kebanyakan masyarakat Melayu dalam situasi sebelum, sewaktu, dan selepas mendirikan rumah tangga. Seperti yang dimaklumkan kiasan atau sindiran ini merupakan satu bentuk komunikasi secara tersirat. Oleh itu, pengkarya telah mewujudkan elemen kognitif yang abstrak secara dalaman melalui karya berbentuk hantaran dan ditafsirkan ke sifat konkrit secara luarannya. Kesan kognitif yang tergambar daripada objek pilihan yang mendasari hantaran ini dianalogikan kepada kehidupan masyarakat Melayu yang sering dilihat mempunyai beberapa kes atau tanggapan mesej yang kurang digemari mengenai permasalahan yang diutarakan oleh sesiapa sahaja yang merasai situasi berkenaan, misalnya putus pertunangan, keretakan rumah tangga, nilai hantaran yang tinggi dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, istilah ‘tiada isu, kes selesai’ ini diambil untuk dikembangkan lagi melalui topik mendirikan rumah tangga dan menerokai dengan lebih mendalam bagi mencungkil falsafah semantik sindiran dalam sistem konseptual Melayu itu sendiri.

##### **4.2 RASIONAL KARYA**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti keberkesanan untuk mengangkat budaya berbalas hantaran dalam kalangan masyarakat Melayu dan mengekalkan keindahan yang ada pada budaya yang diamalkan. Berdasarkan

analisis data yang diperoleh, didapati bahawa terdapat pelbagai perubahan hantaran dengan mengikut pada jenis olahan bersesuaian waktu pengedaran zaman. Setiap hantaran mempunyai jenis bahan atau media yang berbeza. Posisi atau bahagian rekabentuk hantaran tersebut dapat menarik perhatian sesiapa saja yang melihatnya. Dengan kemajuan teknologi kini, pelbagai rekaan corak gubahan baru telah dihasilkan dengan ilham hasil tangan kreatif masyarakat Melayu dan menjadikan seni gubahan ini semakin berkembang dari tahun ke tahun. Dengan itu, seni gubahan ini juga boleh dijadikan atau berpotensi sebagai satu seni dekorasi yang gah di mata dunia. Hasil daripada ekperimentasi juga, karya bersiri ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dalam mengekspresikan elemen sinis pada karya. Karya ini dipersembahkan dalam bentuk seni instalasi dengan bertujuan bagi mengajak audien merasai situasi sebenar menerusi karya ini.

#### **4.3 PENYATAAN KARYA**

Karya bertajuk “**Dowry 23**” ini tercetus bagi mewujudkan dialog interaksi dalam kalangan audien dengan mengambil kira kepentingan isu pelbagai dalam kontek mendirikan rumah tangga. Berbalik kepada konsep visual hantaran, pengkarya memberi penekanan tertentu berkaitan konflik sosial masyarakat sebagai satu sinergi ke arah penyampaian mesej berdasarkan etimologi yang berkesan melalui hujahan isu-isu dalam alam perkahwinan, konflik rumahtangga dan sebagainya. Secara realitinya, tanggapan dan persepsi segelintir masyarakat menganggap bahawa perkahwinan merupakan satu perjudian memandangkan nasib setiap pasangan tiada harapan yang jelas untuk mencapai kebahagiaan berkekalan dalam perhubungan rumah tangga dan ini turut menjadi satu frasa asam garam sesuatu rumah tangga itu didirikan. Walaupun ikatan suci itu merupakan salah satu keputusan yang besar dalam kehidupan pasangan tetapi baik atau buruk masa depan bergantung kepada perencanaan dan keputusan membina hubungan hidup bersama ke arah melahirkan keluarga yang bahagia.

Media hantaran ini turut menjelaskan mengenai dilema yang menjadi persoalan dalam kalangan masyarakat dan penyumbang kepada kerisauan orang

ramai berkaitan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi dan menjadi faktor terutama bagi pasangan yang berkahwin atau mendirikan rumah tangga untuk menjalani kelangsungan hidup. Dalam keadaan ekonomi yang kian mencabar, kos menyambut dan membesarkan anak kelihatan semakin meningkat saban tahun, keadaan ini tanpa sedar memberi tekanan secara emosi apabila bebanan kewangan lampau boleh menjejaskan keharmonian rumah tangga terutama cabaran ekonomi yang tidak menentu sedang melanda negara. Tambahan pula cabaran kewangan peribadi menyebabkan generasi millennium terpaksa menangguhkan perancangan untuk berkahwin dan memulakan hidup berkeluarga walaupun mereka sebenarnya ingin berkahwin awal.

Mengulas lebih lanjut berkenaan karya ini, perwatakan generasi yang bersifat individualisme dan materialistik menyebabkan individu lebih mementingkan kepuasan diri daripada obligasi sosial untuk berkahwin dan kekal berkahwin. Punca pemikiran ideologi materialistik yang sememangnya semakin dominan dalam kalangan masyarakat di Malaysia sedikit sebanyak memberi perspektif berfikir bahawa kejayaan seseorang itu banyak diukur berdasarkan aspek kebendaan. Hal ini diperkatakan demikian kerana seseorang itu akan disanjung tinggi dan dihormati hanya kerana kemewahannya berdasarkan kepada rumah yang didiaminya jenama pakaian yang dipakainya dan sebagainya. Istilah “biar papa asalkan bergaya” merupakan satu frasa yang sememangnya sebatu dalam kalangan generasi kini.

Pengolahan idea hantaran ini turut dikembangkan menerusi teknologi maklumat dan komunikasi sekarang ini yang semakin pesat memberikan perubahan dalam gaya hidup masyarakat. Punca perkahwinan tempoh singkat yang seterusnya membawa kepada penceraian disebabkan penggunaan media social dalaam mempengaruhi kehidupan pengguna. Penggunaan media sosial yang semakin trend memberi hujahan meneluruh bagaimana perkahwinan ini hanyalah indah sebagai imej sosial di platform berkenaan. Terdapat juga individu hanya berkahwin semata-mata ingin menunjukkan diri mampu berkahwin seperti pasangan lain. Terdapat juga scenario di mana pasangan sering berbalah, membuka aib dan selanjutnya mampu memcemarkan imej perkahwinan yang telah dibina.

Kepercayaan kepada agama akan menyokong kekuatan dan kestabilan bagi institusi perkahwinan. Hantaran karya ini memberi simbolik kepada individu itu dalam meletakkan pagangan agama yang mana ianya akan mempengaruhi keputusan seseorang untuk berkahwin atau sebaliknya. Individu yang mempunyai pegangan agama akan meletakkan keutamaan yang tinggi kepada perkahwinan.

Kebanyakan kajian idea ini memberi penjelasan berhubung dengan peristiwa sejarah pasangan pengantin dan perubahan social yang berbeza dalam kontek sewaktu, dan semasa perkahwinan itu dibaut. Menyelami kekangan-kekangan yang dihadapi generasi ini secara langsung perlu lebih penekanan kepada komprehensif dan selari dengan keperluan dan kehendak dalam kalangan masyarakat.

## **5.0 CADANGAN LOKASI**

Memandangkan pertandingan Bakat Muda Sezaman 2023 ini bertemakan Seni Di Lokasi (*Art On Site*), pengkarya telah mempertimbangkan beberapa lokasi untuk dipamerkan, iaitu pelamin perkahwinan dalam tempoh peyediaan karya akhir, kawasan sekitar masjid, dan lain-lain tempat yang berpotensi dalam penglibatan pameran karya.

Selain itu, karya ini boleh juga dibuat dengan penglibatan komuniti sebagai gimik untuk menghadiri majlis perkahwinan. Misalnya semua karya hantaran tersebut akan dibawa setiap satunya oleh seorang pemuda dan diarak daripada rumah mempelai bersama-sama dengan mempelai yang sudah siap berpakaian lengkap Melayu asli atau pakaian haji yakni serban dan berjubah bagi memulakan upacara Majlis Akad Nikah.

## **6.0 MANUAL PEMASANGAN KARYA**

Perletakan karya bergantung pada pemilihan objektif pameran karya.

## **7.0 SENARAI BAHAN DAN KELENGKAPAN**

Segmen pertukaran hantaran pengantin lelaki dan pengantin perempuan selalunya dalam tradisi perkahwinan Melayu akan berasaskan kepada nombor ganjil. Hal ini disebabkan nombor ganjil dalam tradisi perkahwinan Melayu ianya bermaksud unsur-unsur baik dan juga unsur murni. Jadi perkara ini diambil pendekatan dalam penghasilan karya melalui segmen pertukaran hantaran sama ada lima berbalas tujuh dan selebihnya. Berdasarkan menghasilkan perincian karya, penetapan hasil karya ini dibuat melalui media yang pelbagai (*random media*) di mana kaitan berkenaan isu yang diangkat dapat disignifikasikan kepada mesej yang ingin disampaikan.



**MOCK-UP PENGHASILAN KARYA SEBELUM KARYA AKHIR : “DOWRY 23”**



Haziq Halim, “Hantaran Of The Year“, 2021, *mixed media*.

## **8.0 KESIMPULAN**

Hantaran sering diperbahaskan dalam masyarakat Malaysia terutamanya dalam kalangan Melayu itu sendiri. Walaupun dalam kalangan masyarakat Melayu itu dikatakan kaya dengan adat budaya dan tradisi yang unik hantaran merupakan satu peranan yang penting dalam bagaimana budaya atau tradisi ini dilanjutkan mengikut peredaran zaman terutamanya dalam majlis perkahwinan. Selain daripada penampilan mempelai itu sendiri, gubahan hantaran yang mengiringi kedua-dua belah pihak turut menjadi tumpuan, yakni hiasan yang menyerikan hantaran. Berbalik pada penghasilan karya seni saya telah menggunakan mekanisme atau media yang signifikan dalam membuat gubahan yang diterjemahkan dalam bahasa visual hantaran itu sendiri. Dalam bahasa mudah, saya telah menggunakan bahan harian yang mudah diperolehi atau yang digunakan dalam keadaan harian lalu diketengahkan mengikut taksiran gubahan yang ditonjolkan. Memandangkan penggunaan sebagai contoh bunga dulang yang kini diperbagaikan konsepnya, maka lahirlah ilham untuk menghasilkan variasi hiasan hantaran ini. Tafsiran ini memberi makna bahawa perkahwinan kini bagaikan tidak bermusim dan ianya merupakan salah satu daripada syariat agama manakala istiadat bersanding pula hanyalah adat dan budaya yang masih diteruskan hingga kini, lalu apa yang saya ingin tunjukkan adalah adat dan budaya ini telah begitu sebatih tertanam di dalam jiwa masyarakat Melayu. Biarpun sekarang masyarakat sejagat hidup dalam arus pemodenan, namun adat perkahwinan ini tetap dipraktikkan seperti diwarisi sejak zaman-berzaman yang itu merupakan satu kemestian yang sering dilontarkan dalam perlbagai isu-isu yang diutarakan.

## 9.0 KARYA RUJUKAN

### a. *Exhibition: Edible Complex by Cheryl Jackson*



**Gambar 1:** Cheryl Jackson, Foods R U.S, 1998, *mixed media and video, variable.*

### b. *Exhibition Bouke De Vries: War and Pieces*



**Gambar 2:** Bouke de Vries, *War and Pieces*, 2012, 18<sup>th</sup>-, 19<sup>th</sup>-, 20<sup>th</sup>-century porcelain, plastic, sprayed plaster, perspex, steel, aluminum, gilded brass, and mixed media.

**c. *The Thing in Between II*' (2016/2017)**



**Gambar 4:** Tetriana Mohamed Fauzi, *The Thing In Between II*, 2016/2017, mixed media fabric.